



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN
SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

SEMPENA

**LAWATAN KE PROGRAM
GELOMBANG PADI LANGKAWI: PROJEK PADI PULUT
SMART SAWAH BERSKALA BESAR
(SMART SBB) ALA SEKINCHAN-BERNAS**

PADA

5 MEI 2024 (AHAD)

BERTEMPAT DI

**PUSAT PENGUMPULAN PADI, KG. BUKIT HANTU,
LANGKAWI**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh dan Salam Sejahtera,

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

[SALUTASI TERKINI RUJUK DI LAPANGAN]

Ahli-ahli Yang Berhormat;

Pegawai-pegawai kanan Persekutuan dan Negeri;

Wakil-wakil Jabatan dan Agensi;

Barisan sekretariat penganjur majlis;

Rakan-rakan media; dan

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

Selamat Pagi dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, di atas izin dan limpah kurniaNya jua, dapat kita bersama-sama pada hari ini, bersempena dengan lawatan saya ke **Program Gelombang Padi Langkawi: Projek Padi Pulut**

Langkawi SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di bawah seliaan Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

2. Terima kasih diucapkan kepada BERNAS dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selaku penganjur utama bagi program lawatan kali ini.
3. Di kesempatan ini, saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) serta wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi di peringkat negeri Kedah, khususnya Langkawi atas kerjasama yang diberikan dalam menyokong usaha KPKM memastikan agenda keterjaminan makanan negara dapat dicapai.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Negara kita masih lagi bergantung dengan beras putih dari negara luar. Berdasarkan statistik tahun 2022, tahap sara diri beras negara (SSR) adalah sebanyak 62.6 peratus. Jumlah beras yang dihasilkan dalam negara hanyalah sebanyak 1.6 juta tan metrik berbanding keperluan sebanyak 2.5 juta tan metrik setahun.

5. Dengan jumlah pelaburan dan usaha yang dilaksanakan sebelum ini, Malaysia sepatutnya sudah mencapai 100 peratus SSR, namun demikian industri padi dan beras negara masih lagi berdepan dengan pelbagai cabaran dan isu yang berpunca daripada faktor dalaman dan luaran.
6. Selain mengoptimumkan sumber sedia ada, Kerajaan melihat antara strategi yang boleh diambil untuk meningkatkan hasil padi dan SSR beras negara adalah dengan meningkatkan jumlah keluasan kawasan penanaman padi di seluruh negara di samping menambah lebih banyak pilihan varieti padi untuk digunapakai oleh pesawah kita.
7. Pada ketika ini, negeri Kedah masih lagi merupakan pengeluar beras utama negara iaitu sebanyak 36.6 peratus daripada jumlah pengeluaran negara. Ia disusuli negeri Kelantan (11.9%), Perak (11.8%), Perlis (10.2%) dan lain-lain negeri (29.5%).
8. Justeru bermula tahun ini, Kementerian telah mengambil langkah proaktif dalam usaha menambah baik mekanisme pelaksanaan sedia ada dan merangka hala tuju baharu bagi industri padi dan beras negara, menerusi program PINTAR, yang kita gelarkan sebagai “Gelombang Padi”.

9. Menyentuh aspek potensi penanaman varieti padi lain selain padi putih dan padi wangi, saya turut difahamkan bahawa permintaan terhadap pulut dalam negara meningkat saban tahun sehinggakan kerajaan Malaysia perlu berbelanja sebanyak RM10 juta setahun untuk membeli beras pulut dari luar negara seperti Thailand dan Vietnam.
10. Permintaan terhadap pulut juga amat tinggi terutamanya ketika bulan perayaan. Bukan sahaja pengguna berbangsa Melayu yang memerlukan pulut untuk penyediaan juadah hari raya seperti lemang dan ketupat pulut malah pengguna dari kaum Cina juga menggunakannya bagi produk makanan seperti BakChang dan India dengan produk makanan berasaskan pulut yang lain.
11. Dalam perkara ini, bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan negara, KPKM bersedia untuk mempromosi dan mengangkat kelestarian amalan pertanian terbaik dalam penghasilan padi pulut bagi menjamin bekalan makanan negara melalui projek yang bakal dilancarkan pada hari ini iaitu **Program Padi Pulut SMART SBB Ala Sekinchan di bawah seliaan BERNAS.**

12. Saya difahamkan bahawa keluasan keseluruhan projek adalah seluas 540 hektar yang akan dimulakan dengan fasa pertama di Ayer Hangat dengan keluasan 14.78 hektar dengan penglibatan 7 orang pesawah bagi fasa ini dan boleh mencapai bilangan maksimum 326 orang pesawah.
13. Ayer Hangat dipilih sebagai lokasi projek fasa pertama atas faktor berikut iaitu infrastruktur lengkap berbanding kawasan lain dan mempunyai sumber pengairan utama daripada Bukit Durian Perangin. Saya juga sangat berbangga dan berterima kasih dengan komitmen dan minat peserta yang datang dari kawasan Ayer Hangat untuk menyertai program ini.
14. Melalui projek ini, saya amat berharap subsektor padi dan beras khususnya padi pulut dapat diperkasa dan bakal menjadi sebagai salah satu tarikan utama bagi industri agropelancongan di Langkawi. Projek ini juga bakal melakar sejarah di mana legasi penghasilan padi pulut dapat diwariskan kepada generasi akan datang dan menjadi lokasi pertama di Malaysia yang bakal memperkenalkan dan melonjakkan produk padi pulut di rantau Asia Tenggara dan seterusnya arena antarabangsa.

15. Bagi merealisasi hal ini, pada hari ini, sukacita saya **MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBINA SEBUAH KILANG PADI PERTAMA DI LANGKAWI MELALUI BERNAS DI KAMPUNG BUKIT HANTU, MUKIM ULU MELAKA INI DENGAN ANGGARAN KOS SEBANYAK RM8.9 JUTA.** Kilang padi ini akan berfungsi secara optimum dan bukan hanya memproses padi pulut sahaja malahan semua jenis padi yang ditanam di seluruh Langkawi.
16. Saya dimaklumkan bahawa pada tahun 2023 sahaja, sebanyak 4,156MT padi telah dibeli oleh BERNAS dan dihantar untuk proses berikutnya ke kilang beras BERNAS di tanah besar, Kedah yang mana melibatkan kos pengangkutan yang tinggi sehingga mencecah RM75 per tan metrik atau bersamaan RM300 ribu setahun. Selain itu, tempoh masa penghantaran padi juga mengambil masa sehingga tiga (3) hari dari mula proses tuaian yang menjejaskan kualiti padi yang diterima.
17. Berdasarkan anggaran terkini, keseluruhan projek dijangka mengambil masa selama 1 setengah tahun dengan sasaran mula operasi pada Jun 2025.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

18. Kilang padi ini akan diuruskan sepenuhnya oleh BERNAS setelah selesai dibina sehingga tempoh konsesi BERNAS dengan Kerajaan iaitu pada Januari 2031. PPK Langkawi pula selaku tuan tanah akan menerima kadar sewa secara bulanan yang akan dimuktamadkan kelak.
19. Ingin juga saya kongsi di sini bahawa kilang padi ini juga akan dijadikan salah satu tarikan agropelancongan di Langkawi dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang mana konsep *glass-house* akan diguna pakai, yang mana pelancong dan pengunjung boleh mempelajari dan melihat sendiri padi pulut dan pelbagai varieti padi lain diproses di pusat ini.
20. Bagi jangka masa panjang, kilang padi ini dijangka berkembang sebagai pusat latihan kepada pesawah dan usahawan yang berminat dalam subsektor agromakanan padi dan beras yang semakin berkembang pesat serta dapat menarik minat golongan muda.
21. Dalam hal ini, pihak Kementerian dengan kerjasama Kerajaan Negeri juga amat cakna berkaitan masalah pengairan dan sumber air di Langkawi terutamanya bagi

penanaman padi. Oleh yang demikian, perhatian serius akan diberikan dalam usaha menyediakan infrastruktur pengairan yang lengkap bagi memastikan agenda agropelancongan tersebut dapat dilaksanakan sebaiknya.

22. Saya percaya, melalui usaha dan kesungguhan daripada semua pihak, hasrat kita semua untuk meningkatkan prestasi penanaman padi di Langkawi khususnya akan dapat diperkasakan. Dalam hubungan ini, KPKM amat menghargai usaha yang telah dibuat oleh Jabatan dan Agensi di Langkawi untuk meningkatkan lagi produktiviti hasil padi di negeri ini.
23. Pada masa akan datang, saya amat mengalu-alukan kehadiran lebih banyak pemain industri, terutama syarikat peneraju di bawah program SMART SBB Ala Sekinchan untuk tampil dengan idea dan inovasi baharu supaya program tersebut dapat dibangunkan bukan hanya untuk padi, tetapi juga tanaman lain.
24. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan lawatan kerja saya ke pulau lagenda ini. Saya sejujurnya amat berharap suatu hari nanti usaha kita akan

menjadikan Malaysia bukan lagi sebagai pengimport Beras Putih tetapi juga sebagai antara pengeksport utama Beras Putih di rantau ini.

25. Tidak lengkap rasanya sekiranya ucapan saya tidak diakhiri dengan serangkap pantun:

“Pulau Langkawi penuh lagenda,
Tarikan pelancong, indah pesona;
KPKM mai sini membawa agenda,
Demi keterjaminan makanan, kita laksana”

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh.

**Disediakan oleh:
Bahagian Pembangunan Industri Padi, KPKM
2 Mei 2024**

**Dikemaskini oleh:
Setiausaha Akhbar YB Menteri KPKM
4 Mei 2024**